

## **Pemuliharaan Ulu Muda penting bagi kejayaan NCER - Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB**

Tarikh kemaskini: 22/07/2019



GEORGE TOWN, 22 Julai (Bernama) -- Kawasan tadahan air Ulu Muda perlu dipelihara dengan baik agar inisiatif sosio ekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dapat dilaksanakan dengan berkesan, kata Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Datuk Jaseni Maidinsa.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd (PBAHB) berkata bekalan air menjadi faktor penting bagi pembangunan sosio-ekonomi di NCER pada masa depan dan tiga daripada empat negeri di NCER bergantung kepada Ulu Muda untuk bekalan air mentah.

"Pemikiran NCER harus diterapkan kepada pemuliharaan dan perlindungan Ulu Muda, kawasan tadahan air yang paling penting di NCER," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

NCER ditubuhkan pada 2007 sebagai salah satu koridor ekonomi untuk menyediakan pertumbuhan yang saksama di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak dengan wawasan menjadikan rantau ini sebagai wilayah ekonomi kelas dunia menjelang 2025.

"Untuk layak sebagai wilayah ekonomi kelas dunia, NCER perlu mempunyai jaminan bekalan air. Semua aspek wawasan NCER bergantung kepada kemampuan bekalan air jangka panjang," katanya.

Jaseni berkata kawasan tadahan Ulu Muda adalah sumber semula jadi yang penting untuk pembangunan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping dan Pelabuhan Darat Perlis, Taman Sains dan Teknologi Kedah dan Bandara Raya Getah di Kedah serta Kawasan Pembangunan Batu Kawan di Pulau Pinang.

Beliau berkata kira-kira 96 peratus air mentah di Kedah, 80 peratus di Pulau Pinang dan 70 peratus di Perlis disalurkan setiap hari dari kawasan tadahan ini melalui Sungai Muda dan dengan merangkumi 163,103 hektar hutan hujan, ia merupakan kawasan tadahan air terbesar di NCER.

"Ulu Muda harus dilindungi sebagai kawasan tadahan air NCER untuk selama-lamanya," kata beliau.

-- BERNAMA